From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Wednesday, 15 February, 2023 3:54:50 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: RM60,000 UNTUK PERSIAPAN PERSEKOLAHAN 300 PELAJAR SMK AYER HITAM

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

15 FEBRUARI 2023 / 24 REJAB 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

RM60,000 UNTUK PERSIAPAN PERSEKOLAHAN 300 PELAJAR SMK AYER HITAM



UUM ONLINE: Ayer Hitam - Menjelang pembukaan persekolahan sesi 2022/2023 pada Mac depan, Yayasan Sime Darby (YSD) menyediakan peruntukan sebanyak RM60,000 kepada 300 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ayer Hitam sempena Program 'Back To School (B2S) Yayasan Sime Darby Gives Back: School Edition'.

Program itu turut mendapat kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM), kerajaan negeri Kedah dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kedah.

Eksekutif Kanan Komuniti dan Kesihatan, Yayasan Sime Darby, Janet Khoo Nee Jian yang mewakili Ketua Pegawai Eksekutif YSD berkata, bantuan persekolahan sebanyak RM200 berserta beg sekolah dan alat tulis serta baucar RM150 itu disumbangkan kepada setiap pelajar yang telah dikenal pasti bagi pembelian kelengkapan sekolah lain seperti pakaian dan kasut.

"Sejak awal tahun ini, YSD telah menyampaikan bantuan berjumlah lebih RM365,000 untuk membantu lebih 3,700 pelajar dan keluarga mereka dari 23 sekolah termasuk sekolah yang telah dilanda banjir di Kelantan dan Terengganu.

"Bantuan persekolahan bagi tahun ini pula akan berterusan sehingga Mac depan dan diharapkan ianya dapat meringankan bebanan isi rumah untuk membuat persiapan persekolahan nanti," katanya, di sini, hari ini.

Sementara itu, Profesor Kanan Psikologi Pendidikan di Pusat Pengajian Pendidikan, UUM, Prof. Dr. Rosna Awang Hashim selaku Ketua Penyelidik Program Komitmen Kedah Mendidik Pelajar Sukses (KOMPaS) berkata, program Kembali Ke Sekolah YSD dan UUM itu adalah sebagai motivasi kepada pelajar terpilih termasuk 30 pelajar Permata KOMPaS untuk hadir ke sekolah serta sebagai pembakar semangat untuk belajar bersungguh-sungguh.

Menurutnya, sebanyak enam sekolah menengah sekitar daerah Kubang Pasu, Baling dan Langkawi melibatkan 1800 pelajar termasuk SMK Ayer Hitam telah dipilih dan dikenal pasti JPN bagi menerima bantuan persekolahan tersebut yang melibatkan peruntukan sebanyak RM360,000 oleh YSD.

Kata beliau, program berbentuk amal yang merupakan hasil kerjasama pintar di antara universiti, industri, sekolah dan masyarakat itu diharap dapat membangkitkan motivasi pelajar untuk memulakan sesi persekolahan pada Mac depan.

"Kami telah bekerjasama dengan YSD hampir empat tahun dan pada tahun kedua ini, banyak data telah diperolehi berkaitan pembelajaran di sekolah seperti penglibatan ibu bapa dan kepimpinan di sekolah serta sifat pelajar.

"Data-data ini adalah untuk membantu menjayakan program pembangunan bakat pelajar di negeri ini khususnya berdasarkan input dan hasil kajian KOMPaS yang diharapkan boleh memberi manfaat kepada kerajaan negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia," ujarnya.

Manakala, penerima, Ahmad Irfan Ibrahim berkata, dia bersyukur dan berterima kasih kepada YSD dan UUM atas bantuan yang diberikan kepada mereka.

"Walaupun hanya tinggal sebulan sahaja lagi untuk memulakan sesi baru persekolahan pada Mac nanti, saya tidak membuat sebarang persediaan awal. Mungkin akan menggunakan kelengkapan sedia ada sahaja.

"Tetapi apabila mendapat tahu saya terpilih untuk menerima bantuan ini, tambahan pula saya merupakan salah seorang pelajar dari Permata KOMPaS, saya amat gembira dan bersyukur. Pemberian ini akan dimanfaatkan sebaiknya untuk saya belajar bersungguh-sungguh," kata pelajar Tingkatan 4 itu.







Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my
Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.